



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2018

EKONOMI

3767/1

Kertas 1

Nov./Dis.

1 $\frac{1}{4}$ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

Kertas peperiksaan ini mengandungi 14 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.
(Nota penerbit: Bilangan halaman dalam buku ini telah diubah suai)


- 1 Pernyataan manakah yang betul tentang sumber ekonomi?
- Tanah merupakan sumber yang diekstrak dari bumi dan lautan
 - Modal mempunyai penawar yang terhad yang menyebabkan harganya meningkat secara berterusan
 - Buruh merupakan individu yang menggabungkan faktor pengeluaran untuk menghasilkan output
 - Usahawan adalah individu yang memberikan hasil pengeluaran secara produktif sama ada secara fizikal dan mental
- 2 Encik Yusuf membuka sebuah kilang perabot berasaskan kayu getah di kampung Teluk Emas. Beliau mampu memberi peluang pekerjaan kepada 20 orang penduduk di kampung tersebut. Pernyataan manakah yang betul tentang Encik Yusuf?
- Mendapat ganjaran dalam bentuk sewa
 - Menggabungkan input-input pengeluaran bagi menghasilkan output
 - Menyumbangkan tenaga mental dan fizikal dalam proses pengeluaran
 - Merupakan sumber ekonomi yang diperlukan untuk melicinkan proses pengeluaran
- 3 Maklumat berikut menunjukkan pilihan teknik pengeluaran Syarikat X.

Keluaran (unit)	Intensif Buruh	Intensif Modal
Baju	100	60
Seluar	60	100

Apakah kos lepas yang dihadapi oleh Syarikat X sekiranya teknik intensif modal digunakan?

- 40 unit baju
- 60 unit baju
- 100 unit seluar
- 160 unit seluar

- 4 Rajah 1 berkaitan dengan Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP).



Pernyataan manakah yang betul berkaitan dengan KKP di atas?


- Titik W menunjukkan kombinasi pengeluaran yang cekap
 - Titik P menunjukkan berlaku kos lepas terhadap jam tangan sebanyak 8 000 unit
 - Titik Y menunjukkan ketidakupayaan ekonomi dalam mengeluarkan jam tangan dan pakaian
 - Titik MNOPQ menunjukkan masalah pilihan di sepanjang KKP
- I dan II
 - I dan III
 - II dan IV
 - III dan IV

- 5 Pilih pasangan yang betul.

Masalah Asas Ekonomi	Keterangan
A Apa yang hendak dikeluarkan	Diselesaikan dengan tujuan untuk memenuhi keperluan dan kehendak pengguna
B Berapa yang hendak dikeluarkan	Dikeluarkan melalui penggabungan faktor pengeluaran secara optimum
C Bagaimana kehendak dikeluarkan	Diselesaikan melalui corak agihan pendapatan
D Untuk siapa dikeluarkan	Dikeluarkan bergantung kepada harga relatif faktor pengeluaran

- 6 Mengapakah sistem ekonomi pasaran bebas lebih baik daripada sistem ekonomi perancangan pusat?
- A Sumber diagihkan secara adil
 B Keseimbangan agihan pendapatan
 C Pengeluaran barang berskala besar
 D Kecekapan dalam penggunaan sumber
- 7 Pernyataan manakah yang betul tentang ekonomi Islam?
- A Individu bebas memiliki sumber kekayaan
 B Pengeluar mengeluarkan barangan untuk memperoleh keuntungan
 C Wujud persaingan yang adil dalam kalangan pengeluar dalam ekonomi
 D Merupakan gabungan pelbagai ciri kebaikan sistem ekonomi pasaran bebas dan ekonomi kawalan kerajaan
- 8 Pernyataan manakah yang betul tentang permintaan berkesan?
- A Kehendak yang tidak terbatas
 B Minat terhadap sesuatu barang
 C Keperluan yang mesti dipenuhi
 D Keinginan yang mampu dimiliki
- 9 Pernyataan manakah yang betul tentang keluk permintaan pasaran?
- A Bentuk keluk mencerun ke atas dari kiri ke kanan
 B Diterbitkan daripada keluk-keluk permintaan individu
 C Menunjukkan hubungan langsung antara harga dengan kuantiti
 D Kecerunan keluk adalah lebih curam berbanding keluk permintaan individu

- 10 Rajah 2 berkaitan dengan sesuatu barang keluaran tempatan.



Rajah 2


Mengapakah berlaku perubahan keluk S_0S_1 ke S_1S_1 ?

- A Daya pengeluaran meningkat
 B Cita rasa pengguna bertambah
 C Lambakan barang import berlaku
 D Firma bermatlamat memaksimumkan untung
- 11 Jadual 1 menunjukkan kuantiti penawaran dan kuantiti permintaan bagi suatu barang pada pelbagai tingkat harga.
- | Harga (RM) | Kuantiti Penawaran (unit) | Kuantiti Permintaan (unit) |
|------------|---------------------------|----------------------------|
| 15 | 150 | 330 |
| 20 | 165 | 300 |
| 25 | 180 | 270 |
| 30 | 250 | 250 |
| 35 | 320 | 140 |
- Jadual 1
- Pilih pernyataan yang betul tentang jadual di atas.
- A Harga keseimbangan pasaran adalah pada RM25
 B Harga cenderung turun pada tingkat harga RM35
 C Lebihan penawaran sebanyak 180 unit berlaku pada tingkat harga RM15
 D Kuantiti permintaan melebihi kuantiti penawaran sebanyak 125 unit pada tingkat harga RM20

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 12 Rajah 3 menunjukkan perubahan keseimbangan pasaran kereta tempatan.



Rajah 3

Tindakan kerajaan manakah yang menyebabkan perubahan tersebut?

- A Melonggarkan syarat sewa beli
 B Menaikkan kadar faedah pinjaman
 C Melaksanakan kempen perkongsian kereta
 D Mengurangkan pelepasan cukai pendapatan
- 13 Jadual 2 menunjukkan harga dan kuantiti diminta suatu barang di pasaran.

Harga (RM)	Kuantiti Diminta (kg)
6	30
12	10

Jadual 2

Berapakah nilai keanjalan harga permintaan apabila harga berubah dari RM6 ke RM12?

- A 0.67
 B 0.76
 C 1.33
 D 1.50
- 14 Jadual 3 menunjukkan peratus perubahan harga dan peratus perubahan kuantiti bagi penawaran Barang X dan Barang Y.

Barang	Peratus Perubahan Harga	Peratus Perubahan Kuantiti
X	40%	25%
Y	30%	50%

Jadual 3

Maklumat manakah yang betul tentang **Barang X** dan **Barang Y**?

	Barang X	Barang Y
A	Merupakan barang mewah	Merupakan barang mesti
B	Keluk penawaran lebih curam	Keluk penawaran lebih landai
C	Pekali keanjalan lebih besar daripada 1	Pekali keanjalan kurang daripada 1
D	Peratus perubahan kuantiti sama dengan peratus perubahan harga	Peratus perubahan kuantiti lebih besar daripada peratus perubahan harga

- 15 Penawaran biskut bertambah daripada 160 unit kepada 260 unit apabila harga biskut meningkat daripada RM1.50 kepada RM2.00. Berapakah nilai keanjalan harga penawaran untuk biskut tersebut?

- A 0.53 C 1.54
 B 0.87 D 1.88

- 16 Situasi manakah yang menerangkan fungsi wang sebagai alat ukuran nilai?

- A Encik Gan membayar RM5 000 sebagai deposit untuk kereta baharu
 B Cik Selvi membayar RM250 setiap bulan untuk motosikalnya selama dua tahun
 C Encik Azam mengunjungi lebih daripada 10 gerai komputer untuk membandingkan harga komputer sebelum membeli
 D Puan Maimon membeli barang kemas pada harga diskaun 70% sempena jualan penghabisan stok oleh Intan Jewel Sdn. Bhd.

- 17 Pernyataan manakah yang menerangkan kesan tindakan bank pusat menurunkan kadar rizab berkanun bank perdagangan?


- I Penawaran wang dalam pasaran bertambah
 II Jumlah permintaan barang berkurang
 III Inflasi dapat diatasi
 IV Keupayaan bank memberi pinjaman meningkat

- A I dan II C II dan III
 B I dan IV D III dan IV

- 18 Apakah kelebihan menggunakan overdraf dalam sesuatu urusan niaga?
- A Boleh mengeluarkan wang tanpa had
 - B Pendeposit di bank perdagangan layak ditawarkan kemudahan ini
 - C Dapat digunakan oleh peniaga yang menghadapi masalah aliran tunai
 - D Faedah yang dikenakan tidak tertakluk terhadap wang yang dikeluarkan

- 19 Pernyataan manakah menunjukkan persamaan antara deposit tabungan dengan deposit semasa di bank perdagangan?
- I Disediakan buku akaun simpanan
 - II Pengeluaran wang pada bila-bila masa
 - III Kemudahan menggunakan kad ATM
 - IV Boleh memohon kemudahan overdraf
- A I dan III
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D II dan IV

- 20 Rajah 4 berkaitan dengan kemudahan pembayaran yang disediakan oleh bank perdagangan.



Rajah 4


Apakah kemudahan P?

- A Draf bank
 - B Debit langsung
 - C Pindahan kredit
 - D Perintah sedia ada
- 21 Pemegang akaun boleh mengeluarkan wang melebihi baki simpanan di bank. Antara yang berikut, yang manakah betul tentang pernyataan di atas?
- A Kemudahan pembiayaan pembelian hartanah
 - B Syarat pinjaman memerlukan penjamin dan cagaran
 - C Faedah dikenakan ke atas jumlah pinjaman yang digunakan
 - D Merupakan perjanjian yang dilakukan oleh penghutang kepada pemiutang
- 22 Maklumat di bawah berkaitan dengan upah wang dan harga tiga barang di pasaran.
- | Upah Wang (RM) | Harga Barang P (RM) | Harga Barang Q (RM) | Harga Barang R (RM) |
|----------------|---------------------|---------------------|---------------------|
| 5 000 | 6.00 | 10.00 | 15.00 |
- 23 Puan Aeimi, seorang ibu tunggal mengambil keputusan berhenti kerja untuk menjaga empat orang anaknya yang masih kecil. Suaminya telah meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya. Dia mewarisi sebidang tanah yang terdapat pencawang sebuah syarikat telekomunikasi. Dia juga menabung wang pampasan insurans suaminya sebanyak RM200 000 di Lembaga Tabung Haji. Selain itu dia juga menjalankan perniagaan busana muslimah secara atas talian. Antara yang berikut, yang manakah jenis pendapatan yang diperoleh Puan Aeimi?
- A Upah, sewa dan faedah
 - B Sewa, faedah dan untung
 - C Upah, dividen dan untung
 - D Sewa, dividen dan untung

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 24 Peta alir berikut menunjukkan langkah-langkah menyediakan belanjawan peribadi.



Langkah III adalah

- A menabung sebahagian pendapatan
 - B menyusun perbelanjaan mengikut keutamaan
 - C mengenal pasti punca pendapatan dan potongan wajib
 - D memastikan perbelanjaan tidak melebihi pendapatan boleh guna
- 25 Pilih pernyataan yang betul tentang input berubah.
- I Tetap wujud walaupun output sifar
 - II Contoh ialah polisi insurans kebakaran
 - III Wujud dalam jangka masa pendek dan panjang
 - IV Berubah secara langsung dengan tingkat output
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 26 Pernyataan manakah yang betul tentang konsep pengeluaran?
- A Pengeluaran jangka masa panjang adalah melebihi lima tahun
 - B Fungsi pengeluaran menunjukkan bagaimana input digabungkan untuk menghasilkan output
 - C Apabila jumlah keluaran mencapai maksimum keluaran purata menjadi sifar
 - D Keluaran sut merupakan perubahan dalam jumlah keluaran kesan daripada penggunaan satu unit input tetap

- 27 Antara yang berikut, yang manakah betul tentang konsep pengeluaran jangka pendek?
- I Tempoh penubuhan firma kurang daripada satu tahun
 - II Fiona mempunyai input tetap dan input berubah
 - III Firma akan menambahkan input berubah untuk meningkatkan output
 - IV Semua input yang dimiliki oleh firma ialah input berubah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 28 Pernyataan manakah yang betul tentang kos tetap?
- A Kos yang ditanggung untuk mengeluarkan seunit output
 - B Wujud dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang
 - C Pembelian untuk mendapatkan bahan mentah dalam proses pengeluaran
 - D Pembayaran yang perlu dilakukan walaupun pengeluaran belum bermula

- 29 Maklumat di bawah berkaitan dengan kos pengeluaran suatu barang.

Kos berubah	=	RM60
Kos purata	=	RM4
Jumlah output	=	25 unit

Berapakah kos tetap?

- A RM15
 - B RM40
 - C RM64
 - D RM100
- 30 Maklumat berikut menunjukkan hasil dan kos syarikat PQR Sdn. Berhad.

Jumlah keluaran	=	2 000 unit
Harga seunit	=	RM15
Sewa kilang	=	RM3 000
Bahan mentah	=	RM12 000
Buruh	=	RM5 000
Bahan api	=	RM2 000

Berapakah untung yang diperoleh syarikat tersebut?

- A RM8 000
- B RM12 000
- C RM15 000
- D RM18 000

- 31** Faktor manakah yang mempengaruhi produktiviti?
- I Tenaga kerja
 - II Tingkat agihan pendapatan
 - III Kepuasan pengguna
 - IV Struktur organisasi
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 32** Situasi manakah berkaitan dengan cukai tak langsung?
- I Encik Salim membayar cukai kepada Majlis Perbandaran Kangar atas perkhidmatan pembersihan di kawasan kediamannya.
 - II Puan Mala membayar RM350 kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri atas pendapatannya
 - III Syarikat Iqie membayar cukai kepada Jabatan Kastam Malaysia atas pembelian barang-barang makanan dari Korea
 - IV Puan Yati dikenakan bayaran tambahan 16% daripada bayaran penginapan di Hotel Bestari
- A** I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV
- 33** Situasi manakah yang menerangkan tentang import tak nampak Malaysia?
- A** Syarikat dari Korea membuka kilang di Pulau Pinang
 - B** Universiti Awam Malaysia membayar gaji pensyarah dari Jepun
 - C** Kerajaan Perancis membayar bil utiliti untuk kedutaannya di Malaysia
 - D** Pelancong dari Singapura menginap di sebuah hotel di Pulau Langkawi

- 34** Maklumat di bawah berkaitan dengan satu fenomena ekonomi.

Dalam tempoh enam bulan kebelakangan ini, trend harga minyak mentah global telah menjunam lebih 50%.

Antara yang berikut, akaun manakah dalam imbalan pembayaran akan terjejas?

- A** Akaun dagangan dan akaun semasa
 - B** Akaun perkhidmatan dan akaun modal
 - C** Akaun pendapatan dan akaun pelaburan langsung
 - D** Akaun pindahan semasa dan akaun pelaburan portfolio
- 35** Situasi manakah yang menyebabkan berlaku permintaan ke atas Ringgit Malaysia?
- I Kemasukan pelaburan Australia ke Malaysia
 - II Jepun membeli petroleum mentah dari Malaysia
 - III Syarikat Malaysia melabur di China
 - IV Malaysia memberi bantuan kemanusiaan kepada pelarian Palestin
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Soalan 36 hingga Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 36** I Kerajaan menghadapi masalah kekurangan faktor pengeluaran untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan.
II Kerajaan membuat pilihan untuk memaksimumkan kebajikan masyarakat.
- 37** I Sektor ketiga merupakan aktiviti menukar barang separuh siap menjadi barang siap.
II Sektor ketiga dikenali juga sebagai sektor sekunder.
- 38** I Kehendak ialah keinginan manusia terhadap barang dan perkhidmatan untuk mencapai keselesaan.
II Kehendak manusia terhad dan berbeza antara individu.
- 39** I Produktiviti ialah keupayaan untuk meningkatkan penghasilan output daripada sejumlah input yang diberikan.
II Peningkatan produktiviti akan menggambarkan tingkat pertumbuhan ekonomi sesebuah negara.
- 40** I Kadar pertukaran asing adalah nilai satu unit mata wang sesebuah negara dalam sebutan mata wang negara lain.
II Perubahan kadar pertukaran asing sesebuah negara akan menyebabkan perubahan permintaan ke atas eksport dan import negara lain.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

NO. KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--



**LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2018

EKONOMI

3767/2

Kertas 2

Nov./Dis.

2 $\frac{1}{4}$ jam

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada petak yang disediakan.
2. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
3. Jawab semua soalan di **Bahagian A** dan dua soalan daripada **Bahagian B**.
4. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas peperiksaan ini.
5. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
6. Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.
7. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.
8. Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	20	
	2	20	
	3	20	
B	4	20	
	5	20	
	6	20	
	7	20	
Jumlah			


Kertas peperiksaan ini mengandungi 25 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak.
(Nota penerbit: Bilangan halaman dalam buku ini telah diubah suai)

[Lihat halaman sebelah

SULIT

Bahagian A**[60 markah]***Jawab semua soalan di bahagian ini.*

- 1 (a) Rajah 1 menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran sebuah ekonomi.



Jelaskan keadaan kombinasi pengeluaran di titik X.

[3 markah]

- (b) Bagaimanakah Ekonomi Islam mencapai keseimbangan antara kepentingan individu dan masyarakat?

[5 markah]

- (c) Jadual 1 menunjukkan permintaan terhadap roti.

Harga (RM)	Kuantiti Diminta (unit)	
	Ali	Ahmad
3	8	15
1	10	30

Jadual 1

Dengan menggunakan kertas graf yang disediakan di halaman 14, lukiskan keluk permintaan pasaran dan jelaskan pembentukannya.

[6 markah]

(d) Terangkan **tiga** faktor yang mempengaruhi keanjalan harga penawaran suatu barang.

(i)

(ii)

(iii)

[6 markah]


2 (a) Terangkan fungsi bank pusat sebagai jurubank kepada bank perdagangan.

(i)

(ii)

[4 markah]

(b) Gambar 1 menunjukkan kemudahan pembayaran yang disediakan oleh institusi kewangan kepada pelanggan.



Gambar 1

Mengapakah kemudahan pembayaran tersebut menjadi pilihan pengguna pada masa sekarang?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[6 markah]

(c) Maklumat berikut berkaitan dengan aspek eksternaliti.

Timbalan Ketua Pengarah Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi, Agensi Nuklear Malaysia, Dr. Muhd Noor Muhd Yunus, berkata cadangan membina loji nuklear di negara ini masih pada peringkat kajian orang ramai.

Sumber: <http://www.bharian.com.my>, Rabu, 4 Februari 2015

Mengapakah loji tersebut perlu dibina?

.....

.....

.....

.....

[6 markah]

(d) Terangkan **dua** input dalam proses pengeluaran jangka pendek.

(i)

(ii)

[4 markah]

3 (a) Bandingkan antara dasar fiskal dengan dasar kewangan.

(i) Persamaan

.....

.....

[2 markah]

(ii) Perbezaan

.....

.....

[4 markah]


(b) Terangkan jenis-jenis hasil cukai kerajaan.

(i)

(ii)

[4 markah]

- (c) Maklumat berikut menunjukkan perubahan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia (RM) berbanding satu Dolar Amerika Syarikat (USD) bagi tempoh 6 Januari 2018 hingga 3 Februari 2018



Sumber: <http://my.exchange-rates.org/history/MYR/USD/G/30>

- (i) Berapakah kadar pertukaran asing pada 8 Januari 2018?

[1 markah]

- (ii) Syarikat Harmoni membuat pembelian sebuah mesin dari Amerika Syarikat yang bernilai USD60 000 pada 8 Januari 2018. Pembayaran hanya dibuat pada 1 Februari 2018, apakah situasi yang telah dihadapi oleh syarikat tersebut?

Jelaskan.

[4 markah]

- (d) Maklumat di bawah menunjukkan kos pengeluaran sebuah firma.

Untuk menghasilkan output sebanyak 40 unit. Kos pengeluaran yang ditanggung ialah RM280. Apabila firma menambah output menjadi 50 unit, kos pengeluaran meningkat sebanyak 20%.


- (i) Jelaskan konsep kos pengeluaran bagi firma di atas.

[2 markah]

- (ii) Hitungkan kos marginal firma bagi output unit ke-50.

[3 markah]

Graf untuk soalan 1(c)



Bahagian B**[40 markah]**

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan kerajaan dalam pembangunan negara.

Dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (2011-2015), kerajaan telah mensasarkan pembinaan sebanyak 78 000 unit rumah mampu milik bagi memenuhi keperluan golongan berpendapatan rendah dan untuk petempatan semula setinggan.

Sumber: *KPKT.Gov.my*

- (a) Mengapakah kerajaan menetapkan sasaran sedemikian? [4 markah]
- (b) Dengan bantuan gambar rajah yang sesuai, jelaskan kesan sasaran kerajaan tersebut ke atas pasaran rumah. [7 markah]
- (c) Bagaimanakah kerajaan dapat memastikan sasaran tersebut berjaya dicapai? [9 markah]

- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan pendapatan individu.

Sebahagian besar individu di Malaysia memperoleh pendapatan dalam bentuk upah melalui kerjaya yang diceburi.

- (a) Jelaskan pendapatan tersebut. [4 markah]
- (b) Mengapakah berlakunya senario sedemikian? [7 markah]
- (c) Peningkatan upah mampu meningkatkan taraf hidup keluarga.
Buktikan. [9 markah]

- 6 Maklumat berikut berkaitan dengan inflasi.

RHB Research menjangkakan inflasi akan meningkat kepada 3% tahun ini daripada 2.1% pada tahun 2016. Jangkaan ini dibuat berdasarkan harga bahan api yang lebih tinggi, penghapusan subsidi ke atas harga barangan terpilih, peningkatan kos perniagaan serta penyusutan ringgit yang menyebabkan harga import yang lebih tinggi.

Sumber: *www.astroawani.com*, 22 Februari 2017

- (a) Terangkan **dua** jenis inflasi dalam petikan di atas. [4 markah]
- (b) Perubahan kadar inflasi pada tahun 2017 memberi kesan terhadap ekonomi.
Bincangkan. [7 markah]
- (c) Cadangkan tindakan yang perlu anda laksanakan untuk menangani kesan pada 6(a). [9 markah]

[Lihat halaman sebelah

7 Maklumat berikut berkaitan dengan perdagangan antarabangsa.

Tindakan kerajaan dalam mengenakan tarif terhadap kereta import berupaya membantu industri kereta tempatan.

- (a) Bagaimanakah tindakan tersebut dapat membantu industri kereta tempatan? [4 markah]
- (b) Dengan bantuan gambar rajah yang sesuai, jelaskan kesan tindakan tersebut terhadap pasaran kereta tempatan. [7 markah]
- (c) Tindakan kerajaan tersebut lebih menguntungkan pihak pengguna berbanding pihak pengeluar. Bersetujukah anda dengan pernyataan di atas?
Kemukakan alasan anda. [9 markah]

This image shows a full page of white paper with horizontal dotted lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page, providing a guide for handwriting or typing. There are no margins, text, or other markings on the page.

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

SULIT